

## **CIRI-CIRI ILMU BAHASA ARAB DALAM KARYA RAJA ALI HAJI: KAJIAN KITAB *BUSTANU AL-KATIBIN***

**Wazzainab Binti Ismail**

Jabatan Bahasa dan Pembangunan Insan

Pusat Pengajian Teras

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

[wazzainab@kuis.edu.my](mailto:wazzainab@kuis.edu.my)

### **ABSTRAK**

Karya agung Raja Ali Haji ulama' Melayu terulung iaitu *Bustanu al-Katibin li's-Sibyan al-Muta'allimin* adalah antara bukti kehebatan bahasa beliau. Kitab tatabahasa bahasa Melayu karangan Raja Ali Haji yang berjudul *Bustanu al-Katibin li's-Sibyan al-Muta'allimin* diterjemahkan (secara harfiah) ke dalam bahasa Melayu sebagai *Kitab Perkebunan Jurutulis bagi Kanak-kanak yang Hendak Menuntut Belajar Akan Dia*, merupakan buku pelajaran ejaan dan tatabahasa. Naskhah *Bustanul-Katibin* ini telah dihasilkan dalam bentuk cap batu pada 20 Syaaban 1273H (15 April 1857) di Pulau Penyengat. Kajian ini berusaha mengumpul dan mengkaji ayat-ayat, ungkapan dan kosa kata yang dilakar Raja Ali Haji yang memiliki ciri-ciri ilmu bahasa Arab. Antara ilmu-ilmu bahasa Arab yang penting ialah *Nahu*, *Saraf* dan *Balaghah*. Data akan dianalisisa dan akan diulas dalam usaha menzahirkan keunikan gaya beliau demi memartabat bahasa al-Quran. Dapatan kajian memperlihatkan kekuatan dan keunikan ilmu Raja Ali Haji tentang ilmu-ilmu bahasa Arab dalam menzahirkan sumbangan beliau sebagai seorang ulama yang amat menyanjungi bahasa Melayu dan mengagungi bahasa al-Quran.

Kata kunci: ciri-ciri, ilmu bahasa Arab, Raja Ali Haji, *Bustanu al-Katibin li's-Sibyan al-Muta'allimin*

### **Pendahuluan**

Bidang sastera dan bahasa adalah bidang yang paling menonjol menzahirkan kehebatan Raja Ali Haji dalam penulisannya yang puitis dan penuh kesusasteraan. Kehebatan ilmu yang dimiliki bukan sahaja kerana cabang ilmu yang pelbagai tetapi kesantunan beliau terhadap ilmu amat tinggi dan jelas. Bahasa, sastera, sejarah dan undang-undang adalah empat bidang utama yang merupakan kepakaran beliau. Raja Ali Haji adalah ulama, ahli sastera dan bahasa seorang ustaz dan penasihat pemimpin. Kefahaman agama Islam menjadi ilmu utama terhadap semua ilmu-ilmu lain yang dimiliki beliau. Minat yang kuat dalam menuntut ilmu agama menjadi kekuatan yang sangat mapan dalam diri Raja Ali Haji sehingga berjaya menghasilkan karya agung pelbagai bidang. Buku tatabahasa bahasa Melayu karangan Raja Ali Haji yang berjudul *Bustanu al-Katibin li's-Sibyan al-Muta'allimin* diterjemahkan (secara harfiah) ke dalam bahasa Melayu sebagai *Kitab Perkebunan Jurutulis bagi Kanak-kanak yang Hendak Menuntut Belajar Akan Dia*, merupakan buku pelajaran ejaan dan tatabahasa. Karya agung Raja Ali Haji ulama' Melayu terulung kelahiran Selangor dan membesar di Riau iaitu *Bustanu al-Katibin li's-Sibyan al-Muta'allimin* adalah antara bukti kehebatan bahasa beliau. Kesan bahasa Arab terhadap Raja Ali

Haji sangat terang. Oleh itu kajian akan mengulas ciri-ciri ilmu bahasa Arab dengan meneliti karya penulisan beliau iaitu *Bustanul Katibin*.

### **Sorotan Kajian**

Terdapat banyak kajian tentang karya *Bustanu al-Katibin li's-Sibyan al-Muta'allimin*. Namun kajian yang mengfokuskan kepada maklumat ilmu bahasa Arab dalam karya ini masih banyak perlu dikaji oleh ahli bahasa melainkan kajian yang bersifat umum. Oleh itu kajian ini akan memperkenalkan penulis asli karya ini dan memberi maklumat ringkas tentang karya *Bustanu al-Katibin li's-Sibyan al-Muta'allimin* sebelum meneruskan perbincangan yang lebih terperinci tentang sumbangan Raja Ali Haji dalam memartabatkan bahasa Arab bersama menjunjung bahasa ibunda bahasa Melayu.

### **Bibliografi Raja Ali Haji**

Hashim Musa (2005) menyatakan bahawa nama ulama' agung yang menjadi fokus utama kajian ini ialah Raja Ali Haji bin Raja Ahmad (1808 – 1873) yang dilahirkan di Selangor dan dibesarkan di Pulau Penyengat, iaitu sebuah pulau kecil di Riau. Pulau Penyengat ketika itu adalah pusat kebudayaan Melayu dan pusat ilmu pengetahuan Islam di Kepulauan Melayu. Kelebihan nasab dan keturunan beliau sebagai putera bangsawan Riau, memberi ruang kepada beliau menjawat pelbagai jawatan penting dalam kerajaan Riau-Johor. Disamping kehebatan ilmu dan pengetahuan yang luas tentang agama Islam dan ilmu pentadbiran beliau juga telah berguru dengan ulama'-ulama' setempat dan luar negara. Perjalanan menuntut ilmunya telah membawanya ke Tanah suci Mekah al-Mukarramah. Sekembalinya beliau ke tanah tumpah darahnya, beliau menjadi guru agama yang mengajar fekah dan tasawuf serta mengajar bahasa Arab. Raja Ali Haji juga terdidik dengan ilmu bidang lain dan telah menghasilkan karya dalam pelbagai bidang iaitu agama, bahasa, sastera, sejarah, dan undang-undang. Dalam bidang bahasa, Raja Ali Haji telah menghasilkan dua buah karya yang amat penting dalam perkembangan bahasa Melayu, iaitu *Kitab Bustanu al-Katibin Lis Sibyan al-Mutaallimin* (1857) dan *Kitab Pengetahuan Bahasa* (1859).

### ***Bustanu Al-Katibin Lis Sibyan Al-Mutaallimin***

Menurut Hashim Musa (2005) juga *Bustanu al-Katibin Lis Sibyan al-Mutaallimin* diterjemahkan (secara harfiah) ke dalam bahasa Melayu sebagai *Kitab Perkebunan Jurutulis bagi Kanak-kanak yang Hendak Menuntut Belajar Akan Dia*, adalah merupakan tulisan awal tentang bahasa Melayu dan merupakan buku pelajaran ejaan dan tatabahasa Melayu yang menunjukkan kesan pengaruh sintak dan morfologi bahasa Arab. Karya ini selesai dikarang pada tahun Hijrah 1267 (1850 Masihi). Naskhah *Bustanu al-Katibin Lis Sibyan al-Mutaallimin* ini telah dihasilkan dalam bentuk cap batu pada 20 Syaaban 1273H (15 April 1857) di Pulau Penyengat. Buku setebal 70 halaman ini, terdiri daripada “mukadimah” (pendahuluan), 31 fasal, dan “khatimah” (penutup). Buku ini terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama ialah penulisan tentang bahasa Melayu, sementara bahagian kedua menghuraikan tatabahasa bahasa Arab. Pada umumnya buku ini merupakan buku tentang cara menulis huruf Arab dalam bahasa Melayu dengan beberapa penyesuaian istilah bahasa Arab. Penulis berusaha menyesuaikan dan menerapkan sistem tatabahasa bahasa Arab ke dalam struktur ayat bahasa Melayu. Bahagian Mukadimah karangan ini membincangkan tentang kelebihan ilmu, adab menuntut ilmu dan sebab ilmu tidak diperoleh oleh penuntutnya.

### **Ilmu-Ilmu Bahasa Arab**

Muhammad Ali Al-Tahanawi (1997) menyatakan bahawa ilmu-ilmu bahasa Arab terbahagi kepada sepuluh bahagian : ilmu Bahasa (asal usul bahasa), ilmu Tasrif (saraf), ilmu Maa'ni, ilmu Bayan, ilmu Badi', ilmu A'rudh, ilmu Qawafiy, ilmu Nahu, ilmu Panduan Kitabah (Penulisan) dan ilmu Panduan Qiraah (Bacaan). Namun menurut Sheikh Muhammad Bin Abdu Al-Bariy Al-Ahdal dalam Muhammad Bin Muhammad Al-Rai'niy (2017) mencatatkan bahawa ilmu-ilmu bahasa Arab terbahagi kepada dua belas iaitu dengan penambahan ilmu Penulisan Rasael (Persuratan) dan Khutub (Khutbah), dan ilmu Muhadarah (Perucapan awam) dan Tawarekh (Sejarah).

### **Objektif Kajian**

- i. Mengumpul kosa kata, ungkapan dan maklumat yang dilakar Raja Ali Haji yang berkaitan ciri-ciri ilmu bahasa Arab.
- ii. Menganalisa semua kosa kata, ungkapan dan maklumat yang mempunyai ciri-ciri ilmu bahasa Arab dalam Kitab *Bustanul Katibin*.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini bersifat kualitatif. Analisis dokumen dilaksanakan terhadap semua data yang mencatat tentang ciri-ciri ilmu bahasa Arab dalam Kitab yang ditulis oleh Raja Ali Haji iaitu *Bustanu Al-Katibin Lis Sibyan Al-Mutaallimin*. Ia dikaji dan diperkenal oleh: Hashim Bin Musa, Ketua Editor: Hassan Ahmad dan terbitan Yayasan Karyawan, Kuala Lumpur pada tahun 2005.

### **Diskusi Kajian Tentang Ciri-Ciri Ilmu Bahasa Arab Dalam Karya *Bustanu Al-Katibin Li's-Sibyan Al-Muta'allimin***

Kajian ini akan menjelaskan sumbangan Raja Ali Haji dalam menyebarkan ilmu bahasa Arab melalui kitab beliau yang amat berjasa dalam pembinaan persuratan hukum tatabahasa Melayu. Beliau sedar perbezaan tatabahasa Arab dan Bahasa Melayu. Beliau meneruskan usaha murni beliau demi masa hadapan bangsa Melayu agar memiliki kesantunan bahasa yang tinggi. Ilmu bahasa Arab dipilih sebagai sandaran dan panduan kerana persekitaran ilmu Raja Ali Haji yang mahir dalam bahasa Arab dan berpengalaman berada di bumi Mekah. Disajikan dalam kajian ini keikhlasan seorang ulama Melayu menyusun maklumat untuk membina hukum bahasa tanah tumpah darahnya.

#### **1. Tujuan Penulisan Kitab *Bustanul Katibin*.**

*Bustanul al-Katibin* diakui sebagai karya awal mengenai tatabahasa bahasa Melayu. Tujuan Raja Ali Haji menghasilkan kitab ini adalah untuk menyebarkan ilmu bahasa dan ilmu tulisan, menghasilkan buku tatabahasa bahasa Melayu serta menerapkan hukum bahasa. Seperti yang dinyatakan dalam *Bustanul Katibin* (2005)

..Inilah suatu kitab yang sampun (ringkas) bagi orang yang berkehendak mengenal segala huruf Melayu dan suratannya (tulisan) dan aku atur akan dia suatu Muqaddimah dan beberapa fasal (bahagian) dan khatimah (penutup).

Bustanul Katibin (2005) ms (3)

## 2. Perincian Ciri-Ciri Ilmu Bahasa Arab dalam Kitab Bustanul Katibin

Bil	Ungkapan/Ayat/Kosa Kata dalam Bustanul Katibin	Penerangan tambahan	Ciri-Ciri Ilmu Bahasa Arab
1	Rabbi yassiru wala tu'assiru...  Tuhanku mudahkan, jangan engkau sukarkan.  Bustanul Katibin(2005)ms(3)	ربي يسر ولا تعسر...  -Jenis doa -Etika penulisan dalam Islam adalah dimulai dengan pujian pada Allah swt. dan Rasulullah saw.	- ilmu Panduan Kitabah (Penulisan)-Fann Al-Kitabah (Seni Penulisan)
2	بسم الله الرحمن الرحيم  Bustanul Katibin(2005)ms(3)	- Contoh daripada al-Quran cara Nabi Sulaiman a.s. menghantar risalah kepada Puteri Balqis  Surah al-Naml: ayat 30 ( إِنَّهُ مِنْ سُلَيْمَانَ وَإِنَّهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ )	- ilmu Panduan Kitabah (Penulisan) -Fann Al-Kitabah (Seni Penulisan)
3	Alhamdulillahilahi ladzi akhraj bi'badi mina 'l-jahili wa 'zzalami  Segala puji bagi Allah, Tuhan yang mengeluarkan akan hamba Nya (daripada) bodoh dan gelap.  Bustanul Katibin(2005)ms(3)	-Sebagai doa, bukan ayat al-Quran tetapi maklumat diambil dari al-Quran.  (الحمد لله الذي أخرج بعباده من الجهل والظلم)	- ilmu Panduan Kitabah (Penulisan) -Fann Al-Kitabah (Seni Penulisan)  - ilmu Balaghah (ilmu Bayan: bab Istia'rah bodoh dan gelap itu adalah kekufuran.)
4	Wa's-solatu wa 's-salamu 'ala Sayyidina Muhammadan  Rahmat serta salam Nya atas penghulu kami Nabi Muhammad  Bustanul Katibin(2005)ms(3)	-Etika penulisan dalam Islam adalah dimulai dengan pujian pada Allah swt. dan Rasulullah saw.  والصلاة والسلام على سيدنا محمد	- ilmu Panduan Kitabah (Penulisan) -Fann Al-Kitabah (Seni Penulisan)

5	...mereka itu (sahabat dan ahli keluarga Nabi SAW) ahli kelebihan dan kemuliaan.  Bustanul Katibin(2005)ms(3)	- Cara penulisan bahasa Arab, bermaksud yang memiliki kelebihan dan kemuliaan.  أهل الفضل والكرم	- Sintak (ilmu Nahu: Mudaf, Mudafun ilaih).
6	...suatu Muqaddimah dan beberapa Fasal dan satu Khatimah.  Bustanul Katibin(2005)ms(3)	-Tentang susunan Kitab Bustanul Katibin.  Muqaddimah- pengantar, pendahuluan Fasal- bahagian Khatimah-penutup مقدمة، فصل، خاتمة	- ilmu Panduan Kitabah (Penulisan) -Fann Al-Kitabah (Seni Penulisan)
7	Wassammaituhu... Yakni aku namai akan dia...  Bustanul Katibin(2005)ms(3)	وسمّيته	- ilmu Panduan Kitabah (Penulisan) -Fann Al-Kitabah (Seni Penulisan)
8	...harap aku akan Allah Ta'ala memberi manfaat dengan dia bagi orang yang membawa akan dia, amin.  Bustanul Katibin(2005)ms(4)	- ungkapan diterjemah secara langsung daripada bahasa Arab.	- ilmu Panduan Kitabah (Penulisan) -Fann Al-Kitabah (Seni Penulisan)
9	Fi fadhilati al-'ilmu wa 'l'aqlu.  Pada menyatakan kelebihan ilmu dan akal.  Bustanul Katibin(2005)ms(4)	في فضيلة العلم والعقل	ilmu Panduan Kitabah (Penulisan) -Fann Al-Kitabah (Seni Penulisan)
10	...al-fadhlu bi 'l'aqli wa 'l-adabi la bi 'l-ahli wa'n-nasabi  ...kelebihan itu akal dan adab dan tiada sebab bangsa dan sebab asal.  Bustanul Katibin(2005)ms(4)	الفضل بالعقل والأدب لا بالأهل والنسب	- ilmu Panduan Kitabah (Penulisan) -Fann Al-Kitabah (Seni Penulisan)
11	...segala pekerjaan pedang boleh diperbuat dengan qalam (penulisan), adapun pekerjaan-pekerjaan qalam tiada boleh diperbuat dengan pedang.  Bustanul Katibin(2005)ms(5)	- Diadaptasi daripada puisi zaman Abbasiyyah.  Puisi Abu Tamam السيف أصدق أنباء من الكتب Pedang lebih tepat dalam menyatakan sesuatu berita	- Ilmu Qawafiy dan ilmu A'rudh yang berkaitan puisi.

		daripada penulisan (qalam).	
12	...bermula syaratnya menuntut ilmu itu pada kitab ini...  ...Pertama, al-himmat Bersungguh-sungguh  Bustanul Katibin(2005)ms(5)	al-himmat-keinginan  الهمة	-ilmu Bahasa (perbendaharaan kata)
13	Kedua, al-mudarasah...kuat menderas	kuat mengulang  مدارسة	-ilmu Bahasa (perbendaharaan kata)
14	Ketiga, al-muhafazat...dihafazkan  Bustanul Katibin(2005)ms(5)	محافظة	-ilmu Bahasa (perbendaharaan kata)
15	Ke-empat, muzakarah..menyebut-nyebut  Bustanul Katibin(2005)ms(5)	مذاكرة	-ilmu Bahasa (perbendaharaan kata)
16	Kelima, mutala'at...kita kaji serta memfikirkan ma'nanya dan memfikirkan mafhumnya.  Bustanul Katibin(2005)ms(6)	مطالعة	-ilmu Bahasa (perbendaharaan kata)
17	i'rab yakni baris  Bustanul Katibin(2005)ms(20,)	إعراب	- Sintak (ilmu Nahu)
18	jazm huruf yang mati.  Bustanul Katibin(2005)ms(24)	جزم	- Sintak (ilmu Nahu)
19	fi'il perbuatan madhi,mudhari',amar,muta'adi,lazim, fi'il naqis,fi'il muqarabah.  Bustanul Katibin(2005)ms(25,29-31)	فعل، ماضي، مضارع، أمر، متعدي، لازم، فعل ناقص، فعل مقارنة	- Sintak (ilmu Nahu)
20	isim mengenal nama nakirah,dhamir, isim ala'lam,isim isyarat,isim mausul, isim idafah,isim al-ma'rifah,furu'-cabang.  Bustanul Katibin(2005)ms(26-27)	اسم، نكرة، ضمير، اسم العلم، اسم الإشارة، اسم الموصول، اسم الإضافة، اسم المعرفة، فروع	- Sintak (ilmu Nahu)

21	Harf, jarr, lil-tahaqqiq (tawkid), harf tasyabih, harf atif.  Bustanul Katibin(2005)ms(32,34,36)	الحرف، الجار، للتحقيق (توكيد)، حرف التشبيه، حرف العطف	- Sintak (ilmu Nahu) - Ilmu Bayan (harf tasyabih)
22	...mubtada' permulaan perkataan dan khabar...khabar jumlah, khabar mufrad.  Bustanul Katibin(2005)ms(39-40)	مبتدأ، خبر، خبر جملة، خبر مفرد	- Sintak (ilmu Nahu)
23	...maf'ul, maf'ul mutlak, maf'ul lahu, maf'ul fihi, maf'ul ma'ahu,  Bustanul Katibin(2005)ms(44)	مفعول، مفعول مطلق، مفعول له، مفعول فيه، مفعول معه	- Sintak (ilmu Nahu)
24	...hal, tamyiz, ta'kid, badal,sifat,idafah,  Bustanul Katibin(2005)ms(45-46)	الحال، تمييز، تأكيد، بدل، صفة، إضافة	- Sintak (ilmu Nahu)
25	...kinayah,soreh  Bustanul Katibin(2005)ms(48)	كناية، صريح	- Ilmu Bayan
26	Bermula perkataan pada surat perkiriman itu, Dimulai dengan بسم الله الرحمن الرحيم الحمد لله ...munasabah dan waqi' ...ta'zim ...wa ba''du atau amma ba'du ...kalam al-mazkur, muqabalah (banding) Bustanul Katibin(2005)ms(50-51)	مناسبة- واقع- keadaan sekarang واقع- masa kini تعظيم- memuliakan وبعد، أما بعد- dan selepas itu كلام المذكور - kata-kata yang دinyatakan,yang disebut مقابلة - membanding	- ilmu Panduan Kitabah (Penulisan) -Fann Al-Kitabah (Seni Penulisan)

### Dapatan Kajian

Ilmu-ilmu bahasa Arab pada ungkapan, ayat dan kosa kata Raja Ali Haji dalam Kitab Bustanul Katibin menjelaskan kesan pengaruh ilmu bahasa Arab yang tinggi terhadap diri beliau. Kitab Bustanul Katibin adalah buku panduan tatabahasa Arab yang disusun oleh penulis agar dijadikan panduan untuk menambah baik tatabahasa bahasa Melayu mengikut kesesuaian. Maka Ilmu Sintak (Nahu) adalah ilmu yang paling besar dilihat tertera dalam kitab ini. Tetapi ilmu ini tidak dibincangkan dengan lebih terperinci dalam kajian ini kerana kajian lebih kepada menyenaraikan ciri-ciri ilmu bahasa Arab secara umum. Ilmu Panduan Kitabah (Penulisan) dan Fann Al-Kitabah (Seni Penulisan) antara yang mendominasi susunan ungkapan ilmu bahasa Arab. Raja Ali Haji sangat cermat mengambil semua istilah bahasa Arab. Ada yang dinyatakan erti dan pemahamannya ada yang dibiarkan. Terdapat sebahagian perkataan disediakan maknanya oleh penyunting dan pengkaji karya agung Raja Ali Haji.

### Rumusan

- i. Variasi kajian merentasi bidang untuk karya Raja Ali Haji adalah perlu.
- ii. Kesan ilmu-ilmu bahasa Arab adalah sangat dominan dalam ungkapan dan ayat-ayat Raja Ali Haji.
- iii. Raja Ali Haji menitikberatkan adab dan akhlak dalam menuntut ilmu dan memberi ilmu.
- iv. Ilmu yang baik akan memberi kesan yang baik kepada pemiliknya dan kepada orang lain yang memperoleh ilmu tersebut. Sikap rendah diri ulama' amat jelas pada Raja Ali Haji yang ikhlas menulis demi bangsa dan bahasanya.

### Rujukan

- Abduh Al-Rajhi. 1988. *Al-Tatbiq al-Nahwi*, Kaherah: Dar Al-Nahdhah.
- Hans Overbeck. 1926. *Silsilah Melayu dan Bugis dan Sakalian Raja-raja-nya*, *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 4, No. 3 (98) (DECEMBER 1926), pp. 339-381, Published by: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, Article Stable URL: <http://www.jstor.org/stable/41559676> 10.2307/41559676, pada 7 Mac 2017.
- Muhammad Ali al-Tahanawi. 1997. *Kashaf Mustolahat al-Funun wal-'Ulum*. Lubnan: Maktabah Lubnan
- Raja Ali Haji. 2005. *Bustanu Al-Katibin Lis Sibyan Al-Mutaallimin*. Dikaji dan diperkenal oleh: Hashim Bin Musa, Ketua Editor: Hassan Ahmad. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan
- Raja Masittah Raja Ariffin. 1990. "Raja Ali Haji (1809-1870) dalam siri "Catatan Dokumentasi", *Jurnal Dewan Bahasa*, Jilid 24, Bil. 1, 1990.
- Yusuf, Azman, *Pemikiran Ketatanegaraan Raja Ali Haji dalam Thamarat Al-Muhimmah*, Phd thesis, Universiti Putra Malaysia, 2012.
- <http://klikweb.dbp.my/wordpress/?p=2262>, pada 7 Mac 2017.
- <http://mahayana-mahadewa.com/2010/10/14/raja-ali-haji-bapak-kesusastraan-melayu/> pada 7 Mac 2017.
- <http://khazanahfathaniyah.blogspot.com/2010/04/kitab-pengetahuan-bahasa-karya-raja-ali.html> oleh\_Haji Wan Mohd. Shaghir Abdullah, pada 7 Mac 2017.
- [https://www.google.com.my/?gws\\_rd=cr,ssl&ei=Ba2BVPjQBcO2uQTujoLgDA#q=huruf+jawi/](https://www.google.com.my/?gws_rd=cr,ssl&ei=Ba2BVPjQBcO2uQTujoLgDA#q=huruf+jawi/) / Haji Wan Mohd. Saophy Amizul B. Wan Mansor, pada 1 April 2017
- <https://www.aldiwan.net> > poem30591, *Puisi Abu Tamam*. pada 19 Okt 2019.